




JABATAN KEWANGAN NEGERI

TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld. 4 (42)

Tarikh : 23 Jun 2026

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./lr./Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN STATUS PERCUKAIAN BAGI BAYARAN BANTUAN CUTI
SAKIT KONTRAK (BCSK)**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Pentadbiran Negeri Pulau Pinang telah menyediakan kemudahan bayaran BCSK kepada anggota-anggota lantikan kontrak (*Contract of Service* – CoS) dan Lantikan Kontrak Interim (LKI) melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 3 Tahun 2025. Lembaga Hasil Dalam Negeri telah menyatakan bahawa bayaran BCSK adalah sebahagian daripada pendapatan kasar berhubung dengan mempunyai atau menjalankan penggajian [Perenggan 13(1)(a) ACP 1967] dan dikenakan cukai di bawah perenggan 4(b) Akta Cukai Pendapatan 1967.

3. Sehubungan dengan itu, semua Ketua Jabatan hendaklah memastikan bayaran BCSK diuruskan sebagai pendapatan bercukai selaras dengan peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967.

4. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./lr./Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,

(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 04-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my